

12 FEBRUARI 2018

Polis serbu rumah sewa, rampas dadah RM318,619

KOSMO! ISNIN 12 FEBRUARI 2018

NEGARA! 17

Polis serbu rumah sewa, rampas dadah RM318,619

Oleh KAMARIAH KHALIDI

MARANG – Polis melumpuhkan satu sindiket yang didalangi dua lelaki tempatan itu merupakan pengedar dadah jenis methamphetamine dan syabu bernilai RM318,619 yang didalangi dua lelaki tempatan dalam satu serbuan di sebuah rumah sewa di Kampung Padang Midin, Bukit Payong di sini Khamis lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Aidi Ismail berkata, sebanyak 17,200 biji dadah jenis methamphetamine bernilai RM258,000 dan syabu seberat 606.19 gram dengan nilai RM60,619 dirampas dalam serbuan kira-kira pukul 6.30 petang.

Katanya, polis turut merampas wang tunai berjumlah RM22,067 dan menyita tiga buah kereta serta dua buah motosikal.

"Kita percaya sindiket yang didalangi dua lelaki tempatan itu merupakan pengedar kecil-kecilan bagi keperluan penagih di empat daerah iaitu Marang, Kuala Terengganu, Dungun serta Kemaman.

"Suspek pertama merupakan seorang peniaga ikan berusia 23 tahun manakala seorang lagi suspek berusia 26 tahun bekerja sebagai buruh. Kedua-dua mereka kini ditahan reman selama lima hari sehingga Rabu untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang akbar di Ibu Pejabat Polis Kontinen Terengganu semalam.

Mengulas lanjut, Aidi berkata, sindiket pengedar dadah itu diperkatai beroperasi kira-kira enam bulan lalu dengan menjadikan rumah sewa berkenaan sebagai tempat pe-

nyimpanan bahan terlarang itu.

Jelas Aidi, dadah tersebut dipercayai diseludup dari negara jiran untuk pasaran tempatan dan difahamkan mampu menampung keperluan kira-kira 17,000 penagih berdasarkan jumlah methamphetamine yang dirampas.

"Siasatan masih diteruskan untuk mengenal pasti jika sindiket itu mempunyai rangkaian dengan pengedar-pengedar dadah yang lain. Kita juga percaya wang tunai yang dirampas itu merupakan hasil jualan dadah."

"Tidak dinafikan dadah jenis methamphetamine lebih mendapat sambutan dalam kalangan penagih dadah di negeri ini berikutan harga yang lebih murah berbanding syabu," ujarnya.



AIDI (dua dari kanan) menunjukkan antara dadah yang dirampas susulan serbuan polis di sebuah rumah sewa di Bukit Payong pada sidang akbar di Ibu Pejabat Polis Kontinen Terengganu, Kuala Terengganu semalam.